



BERBUKA PUASA.. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mengadakan majlis berbuka puasa dengan kenalan rapat dan rakan media di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya malam tadi.

Antara yang hadir termasuk Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal, Pengerusi Eksekutif Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary serta bekas Ketua Eksekutif Kumpulan

Sime Darby, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob.

Tetamu kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah diimamkan oleh Imam Besar Masjid Putra, Datuk Sheikh Ismail Mohamed.

• **DR. MAHATHIR** Mohamad berbuka puasa bersama, dari kiri, Syed Mokhtar Albukhary, Sheikh Ismail Mohamed dan Mustapha Kamal di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, malam tadi.